



Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

BERNAMA.COM



UTAMA

AM

POLITIK

EKONOMI

SUKAN

RENCANA

DUNIA

[Laman Utama Am](#) |
 [Senarai Berita](#) |
 [Berita Negeri](#) |
 [1Malaysia](#)

|
 A+ A- |
 Reset |
 LB: |
 Malay |
 English |
 中文 |
 عربي

BERNAMA.COM

am » berita

CARIAN

GO

Berita

Who's Who

25 Ogos, 2011 12:35 PM

AKSB Diminta Selesai Isu Bekalan Air Kelantan

KOTA BAHARU, 25 Ogos (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed menggesa syarikat Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) menyelesaikan kemelut 21 tahun masalah bekalan air negeri itu yang tidak pernah selesai.

Beliau yang juga Anggota Parlimen Jeli, berkata di kawasan Parlimennya juga kini menghadapi masalah bekalan air sejak semalam dan ia menyulitkan penduduk Jeli beribadat di bulan Ramadan terutama dalam aspek kebersihan.

Katanya penduduk juga mengadu dengan ketiadaan bekalan air, ia menyulitkan mereka untuk membuat persiapan sambutan Aidilfitri.

"Saya khawatir dengan perkembangan kesihatan kini berdasarkan laporan kajian Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) bahawa Penduduk Hulu Kelantan menghadapi risiko penyakit leptospirosis atau kencing tikus dari sumber air di kawasan itu," katanya kepada pemberita di sini Rabu malam.

Beliau berkata demikian mengulas aduan rakyat di kawasan Parlimennya sejak beberapa hari lepas mengenai masalah bekalan air.

Presiden Awer S.Piarapakaran dipetik berkata air yang digunakan oleh penduduk di kawasan Hulu Kelantan berpunca dari mata air kawasan bukit dan terdapat maklumat balas bahawa risiko penyakit kencing tikus dari sumber air ini adalah tinggi.

Beliau berkata kajian Awer juga mendapati mutu air di beberapa kawasan di Kelantan seperti di Kuala Krai, Temangan, Kota Bharu, Machang, Pasir Puteh, Jeli, Bachok, dan Tanah Merah masih tidak memuaskan.

Manakala Eksekutif Hal Ehwal Pelanggan Air Kelantan Sdn Bhd Hazwan Hassan dalam kenyataannya berkata penduduk di jajahan Jeli akan mengalami gangguan bekalan air selama enam hari sejak Isnin lepas.

Katanya gangguan itu berikutan kapasiti pengeluaran bekalan air di Loji Rawatan Air Jeli dan Air Lanas turun secara mendadak dan kerja mengatasinya sedang dijalankan.

-- BERNAMA

**Kami menyediakan langganan
berita melalui perkhidmatan [NewsWire](#).**

[Kembali](#)
[Ke Atas](#)

[Utama](#) |
 [Am](#) |
 [Politik](#) |
 [Ekonomi](#) |
 [Sukan](#) |
 [Rencana](#) |
 [Dunia](#) |
 [Senarai Berita](#) |
 [Arkib Berita](#) |
 [Suapan RSS](#) |
 [Facebook BERNAMA](#) |
 [Twitter BERNAMA](#)

© 2011 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. [Penafian](#) | [Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#)
 Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.
 Paparan terbaik menggunakan Firefox 3.0 & Internet Explorer 7.0 dalam resolusi 1024 x 768 piksel

Berita-berita Lain

Kerajaan Sedia Perkhidmatan Kesihatan Bernilai Lebih RM14 Billion Setahun - Liow

Polis Kenal Pasti Lokasi Sampul Surat Yang Dipos Kepada Hishammuddin

Kementerian Kaji Semula Kurikulum Pendidikan Islam -- Muhyiddin

KTMB Tawar Lebih 138,000 Tiket Ke Pantai Timur Sempena Sambutan Aidil Fitri

Program Tukar Bantu Pemilik Kedai Runcit Tingkat Jualan Sehingga 25 Peratus - Palanivel

▼ iklan

Iklan di sini!
Hubungi kami untuk mengiklan
250 x 250 piksel

